



POLISI PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL

NEGERI PULAU PINANG


17 FEBRUARI 2014

VER 2.0

POLISI PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL

Polisi Perkongsian Data Geospacial Negeri Pulau Pinang versi 2.0 ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Electronic Good Governance (eGG) pada 10 Oktober 2013

Polisi Perkongsian Data Geospacial Negeri Pulau Pinang versi 2.0 ini dipanjangkan kepada semua Jabatan Negeri untuk diterima pakai manakala Agensi Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri adalah tertakluk kepada penerimaan oleh pihak berkuasa masing-masing.



DATO' FARIZAN BIN DARUS

Setiausaha Kerajaan Negeri

Pulau Pinang

SEJARAH DOKUMEN

TARIKH	VERSI	KELULUSAN	TARIKH KUATKUASA
4 Jun 2007	0.0	Mesyuarat JKP eGG Bil. 2/2007	1 Ogos 2007
21 April 2011	1.0	Mesyuarat JKP eGG Bil. 1/2011	1 Jun 2011
10 Oktober 2013	2.0	Mesyuarat JKP eGG Bil. 3/2013	1 Februari 2014

JADUAL PINDAAN

TARIKH	VERSI	BUTIRAN PINDAAN
10 Oktober 2013	2.0	<p>i. PUNCA KUASA DIRUJUK : Para 3 muka surat 2, pindaan tambahan dokumen rujukan :</p> <p>Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2012 : Garis Panduan Perkongsian Dan Penyebaran Maklumat Geospasial Melalui Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI)</p> <p>ii. METODOLOGI PERKONGSIAN : Para 5 muka surat 2, pindaan tambahan para 5 :</p> <p>Perkara yang hendak dikongsi adalah maklumat yang merangkumi data, aplikasi, perkhidmatan, pengetahuan, dokumen dan lain-lain yang berkaitan dengan geospasial. Justeru, agensi diminta menyediakan metadata bagi setiap perkara yang dikongsi.</p> <p>iii. PENYEBARAN DATA : Liabiliti muka surat 6, pindaan tambahan para 22 :</p> <p>Bagi mengehadkan liabiliti akibat penyebaran maklumat geospasial yang mengandungi ralat dan ketidak sempurnaan, penafian (disclaimer) perlu dinyatakan dalam proses pembekalan maklumat dan dinyatakan dengan jelas melalui metadata. Bagi maksud tersebut, nasihat daripada pihak perundangan perlu terlebih dahulu diperolehi.</p> <p>iv. Penambahan perkara PENYERAGAMAN MAKLUMAT: Para 23 hingga 31 muka surat 6 hingga 8 bagi tujuan penggunaan standard-standard yang telah ditetapkan.</p>

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
TUJUAN	1
PUNCA KUASA DIRUJUK	1
METODOLOGI PERKONGSIAN	2
PERKONGSIAN DATA	3
Harga Maklumat Geospasial	3
Sumber dan Pengemaskinian Maklumat	4
PENYEBARAN DATA	4
Keselamatan Maklumat Geospasial	4
Lesen Hakcipta dan Royalti	5
Liabiliti	6
PENYERAGAMAN MAKLUMAT	6
Penyediaan dan Penerbitan Metadata	6
Pemakaian Kod Butiran dan Atribut (MS1759)	7
Penyeragaman Nama Geografi	7
Penyelarasan Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah/Unique Parcel Identifier (UPI)	8
KESIMPULAN	8
SENARAI ISTILAH	9
LAMPIRAN A	11
Struktur Jawatankuasa MyGDI Peringkat Negeri	

PENGENALAN

Sistem maklumat geografi (GIS), mengandungi data yang berasaskan geografi yang telah dicipta, dikumpul, diproses, diagihkan dan disimpan oleh pelbagai jabatan/agensi kerajaan di Negeri Pulau Pinang adalah satu sumber maklumat yang berharga. Penggubalan polisi ini akan memudahkan perkongsian, pencapaian dan penyebaran data GIS dan maklumat geospasial di kalangan jabatan dan agensi kerajaan Negeri Pulau Pinang.

TUJUAN

2. Polisi-polisi yang digubal bertujuan untuk menggalakkan jabatan/agensi kerajaan berkongsi di dalam penghasilan, penggunaan dan penyelenggaraan pangkalan data geospasial pada kos yang serendah mungkin. Selain dari memudahkan urusan pentadbiran kerajaan, ianya juga memberi kemudahan kepada rakyat, media dan pengguna data yang lain mengakses maklumat dari sumber yang telah sedia ada dan boleh dipercayai.

PUNCA KUASA DIRUJUK

3. Polisi dan garis panduan ini adalah dirujuk kepada akta-akta, arahan-arahan dan pekeliling-pekeliling yang sedang berkuatkuasa seperti berikut :

- i) Akta Rahsia Rasmi, 1972 (akta 88).
- ii) Surat Pekeliling Am Jabatan Perdana Menteri Bilangan 8 Tahun 1990 : Arahan Keselamatan Kawalan, Penyelenggaraan Maklumat-maklumat Ukur dan Topografi Yang Antara Lainnya Merangkumi Peta-peta Rasmi dan Penderian Jauh.

- iii) Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2005, Garis Panduan Penentuan Harga dan Penyebaran Data Geospasial.
- iv) Surat Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam Bilangan 1 Tahun 2001, Panduan Bagi Data Custodianship Infrastruktur Kebangsaan Bagi Sistem Maklumat Tanah.
- v) Fees And Royalties (Survey Data And Digital Mapping) Order 1997.
- vi) Garis Panduan Hakcipta Data Ukur dan Pemetaan Berdigit.
- vii) Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2012 : Garis Panduan Perkongsian Dan Penyebaran Maklumat Geospasial Melalui Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI)

METODOLOGI PERKONGSIAN

4. Untuk merealisasikan konsep perkongsian data geospasial di Negeri Pulau Pinang, Polisi Perkongsian Data Geospasial Negeri Pulau Pinang telah digubal untuk mengawal selia keselamatan dan integriti data. Polisi ini akan merangkumi perkara-perkara berikut :

- i) Perkongsian Maklumat Geospasial
- ii) Penyebaran Maklumat Geospasial

5. Perkara yang hendak dikongsi adalah maklumat yang merangkumi data, aplikasi, perkhidmatan, pengetahuan, dokumen dan lain-lain yang berkaitan dengan geospasial. Justeru, agensi diminta menyediakan metadata bagi setiap perkara yang dikongsi.

6. Polisi Perkongsian ini akan dikaji mengikut keperluan semasa dan polisi-polisi baru mungkin akan ditambah untuk memantapkan lagi perkongsian maklumat geospasial Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan, penyelarasan dan pemantauan polisi ini akan dilakukan oleh Pusat PEGIS, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan seperti di Lampiran A.

PERKONGSIAN MAKLUMAT GEOSPATIAL

7. Perkongsian maklumat geospasial yang berkesan akan menghasilkan satu penjimatan bagi pihak kerajaan negeri dengan mengurangkan duplikasi aktiviti pengumpulan data digital yang melibatkan kos yang tinggi. Untuk memudahkan urusan perkongsian data geospasial Negeri Pulau Pinang, polisi berikut perlu diterima pakai oleh setiap jabatan/agensi yang terlibat.

Harga Maklumat Geospasial

8. Agensi/jabatan Pembekal Data (APD) adalah digalakkan untuk membenarkan perkongsian maklumat geospasial di antara agensi/jabatan kerajaan negeri dilakukan secara percuma kecuali telah wujud mana-mana garis panduan dan peraturan rasmi yang tidak membenarkannya. Jika caj perlu dikenakan, maka ianya pada kos yang minima.

9. Penetapan harga maklumat geospasial perlu ditentukan oleh agensi pembekal mengikut **Surat Pekeliling Pelaksanaan Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) Bilangan 1 Tahun 2005 – Garis Panduan Penentuan Harga dan Penyebaran Data Geospasial**. Jika wujud keadaan di mana skema piawaian harga tidak disediakan, maka harga data digital berkenaan akan ditentukan melalui persetujuan bersama di antara agensi pembekal dan pihak yang memohon data digital tersebut.

Sumber dan Pengemaskinian Maklumat

10. Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk meminta APD membekalkan maklumat yang difikirkan perlu kepada pangkalan data Negeri kecuali telah wujud mana-mana garis panduan dan peraturan rasmi yang tidak membenarkannya.

11. Pembekalan maklumat dari sumber-sumber lain seperti pihak swasta atau perolehan sumbangan adalah dibolehkan dan mesti melalui tapisan serta mengikut spesifikasi dan keputusan Pasukan Kerja MyGDI Negeri.

12. APD mestilah memastikan data yang dikongsi dikemaskini secara berkala dan mengikut format yang telah ditentukan oleh Pasukan Kerja MyGDI Negeri.

PENYEBARAN DATA

13. Polisi ini disediakan bagi menyelaraskan dan mengawal selia tatacara penyebaran maklumat geospasial Negeri Pulau Pinang. Pelaksanaan kepada polisi ini akan melicinkan urusan penyebaran dan pertukaran maklumat geospasial dan semua APD hendaklah mengambil daya usaha yang sewajarnya dalam melaksanakannya.

Keselamatan Maklumat Geospasial

14. APD mempunyai hak ke atas produk yang dihasilkan dari data geospasial yang dibekalkan. Kebenaran untuk mengguna mana-mana dari data tersebut mestilah dibuat secara bertulis kepada APD.

15. Jabatan/agensi pengguna tidak boleh menyebarkan secara umum maklumat yang boleh mengancam keselamatan negeri dan/atau negara. Maklumat sedemikian adalah untuk digunakan oleh jabatan/agensi kerajaan untuk kepentingan Negeri Pulau Pinang.

16. Bagi data-data yang memerlukan lesen penggunaan data, APD perlulah untuk mengecualikan lesen penggunaan untuk jabatan/agensi kerajaan negeri kecuali telah wujud mana-mana garis panduan dan peraturan rasmi yang tidak membenarkannya.

17. Pengguna data tidak boleh menerbitkan semula maklumat yang dibekalkan oleh APD bagi tujuan penyebaran dan penjualan tanpa kebenaran APD. Penambahbaikan dan/atau pengemaskinian kepada maklumat yang dibekalkan oleh APD hendaklah dimaklumkan kepada APD untuk tujuan pengesahan.

Lesen Hakcipta dan Royalti

18. Royalti boleh dikenakan terhadap pengguna oleh APD bagi penghasilan salinan digital atau salinan keras dari mana-mana produk data geospasial yang ditambahnilai untuk tujuan komersial. APD perlulah mengecualikan royalti untuk jabatan/agensi kerajaan negeri kecuali telah wujud mana-mana garis panduan dan peraturan rasmi yang tidak membenarkannya.

19. Permohonan untuk menggunakan maklumat geospasial Negeri Pulau Pinang secara percuma untuk tujuan pendidikan dan kajian yang melibatkan kepentingan Negeri Pulau Pinang boleh dipertimbangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MyGDI Negeri.

Liabiliti

20. APD tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang impak negatif atau kerosakan yang berlaku terhadap penggunaan maklumat geospasial melalui perkongsian ini tanpa rujukan, kebenaran atau pengesahan dari APD atau Pasukan Kerja MyGDI Negeri

21. Agensi pengguna perlu sentiasa menyebut sumber data asal di dalam setiap penerbitannya dan bertanggungjawab dari segi penggunaan, analisis dan tafsiran data yang digunakan.

22. Bagi menegahadkan liabiliti akibat penyebaran maklumat geospasial yang mengandungi ralat dan ketidak sempurnaan, penafian (disclaimer) perlu dinyatakan dalam proses pembekalan maklumat dan dinyatakan dengan jelas melalui metadata. Bagi maksud tersebut, nasihat daripada pihak perundangan perlu terlebih dahulu diperolehi.

PENYERAGAMAN MAKLUMAT

23. Penggunaan maklumat-maklumat yang telah ditetapkan standardnya akan memudahkan pelaksanaan perkongsian maklumat. Beberapa standard dan format telah ditetapkan oleh MaCGDI untuk digunapakai bagi tujuan perkongsian maklumat geospasial di peringkat negara. Justeru, APD disarankan mengunapakai standard-standard yang telah ditetapkan bagi tujuan perkongsian maklumat geospasial.

Penyediaan dan Penerbitan Metadata

24. Metadata adalah keterangan mengenai perkara yang dikongsi, tidak terhad kepada data, malah ia meliputi penerangan mengenai aplikasi GIS, laporan kajian, dokumen kajian, pembangunan maklumat geospasial dan perkhidmatan. Ia

menerangkan kandungan, format, kualiti, kekinian dan ketersediaan sesuatu maklumat geospasial.

25. Setiap data yang dibangunkan dan dikongsi perlu disediakan metadata bersama data tersebut. Metadata ini juga perlu diterbitkan. Untuk menyedia dan menerbitkan metadata melalui MyGDI, Data Custodian dan APD dikehendaki merujuk dokumen MS ISO 19115:2003 Geographic Information – Metadata dan MS ISO 19119:2006 Geographic Information – Services.

Pemakaian Kod Butiran dan Atribut (MS1759)

26. Butiran (feature) adalah entiti atau objek yang terdapat dalam dunia sebenar (real world), manakala atribut adalah deskripsi yang memberi penerangan tentang butiran tersebut. Kod butiran dan atribut maklumat geospasial telah diselaraskan bagi tujuan penyeragaman supaya proses perkongsian menjadi lancar dan teratur.

27. Dokumen Malaysian Standard MS 1759:2004, Geographic Information/Geomatics - Features and Attribute Codes (MS1759) disediakan bagi tujuan memudahkan perkongsian maklumat geospasial untuk digunakan oleh agensi. Agensi perlu merujuk kepada dokumen ini untuk mengenal pasti kod butiran dan atribut maklumat geospasial bagi memudahkan pertukaran dan integrasi maklumat geospasial yang boleh diguna dalam pelbagai aplikasi GIS.

Penyeragaman Nama Geografi

28. Nama geografi adalah maklumat berkaitan lokasi dan ejaan nama-nama geografi yang diwartakan dalam format yang tekal untuk kegunaan rasmi kerajaan, industri dan awam. Nama-nama geografi yang telah mematuhi standard tersebut disimpan di dalam Pangkalan Data Nama Geografi (PDNG).

29. Pematuhan standard nama geografi ini adalah untuk memperoleh nama-nama geografi yang betul dan tepat dari segi nama lokasi dan ejaannya. Untuk itu, setiap nama geografi yang sedang diguna pakai perlu dirujuk kepada PDNG. Sementara itu, bagi nama geografi baru perlu mematuhi dokumen standard MS 2256:2009.

Penyelarasan Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah/Unique Parcel Identifier (UPI)

30. Penyelarasan kod dan nama sempadan pentadbiran tanah melibatkan lot tanah yang diukur, petak tanah yang belum diukur dan hartanah bertingkat (strata dan stratum). Struktur kod UPI mengandungi maklumat yang berasaskan kepada sempadan pentadbiran tanah bagi Negeri, Daerah, Mukim/Bandar, Seksyen dan Nombor Lot di mana sesuatu bidang tanah itu terletak.

31. Data Custodian dan APD perlu mematuhi struktur kod UPI yang telah ditetapkan dalam dokumen Kod dan Nama Sempadan Pentadbiran Tanah semasa membangunkan maklumat geospasial masing-masing.

KESIMPULAN

32. Polisi ini disediakan bagi membantu APD mengadakan peraturan perkongsian dan penyebaran data geospasial antara APD dan pengguna. Pelaksanaan kepada polisi ini akan memudahkan urusan penyebaran, pertukaran dan perkongsian data geospasial. Semua APD hendaklah mengambil daya usaha yang sewajarnya untuk melaksanakan polisi ini.

SENARAI ISTILAH

agensi	mana-mana jabatan, institusi, badan berkanun, kerajaan tempatan atau organisasi.
Agensi Pembekal Data (APD)	mana-mana jabatan, institusi, badan berkanun, kerajaan tempatan atau organisasi yang membekal data geospacial.
<i>Custodian</i>	satu agensi yang diperakukan oleh Kerajaan bagi menguruskan sesuatu data bagi pihak Kerajaan.
data	persembahan maklumat secara formal yang boleh diterjemahkan dalam bentuk yang sesuai untuk komunikasi, olahan dan prosesan.
maklumat geospacial	maklumat saintifik mengenai permukaan bumi dan penghuninya merangkumi foto udara, citraan <i>remote sensing</i> , mozek, model paramuka berdigit, peta garisan, maklumat atau data geodesi dan pelan kadaster, kejuruteraan awam dan pelan seni bina.
GIS	Sistem Maklumat Geografi (<i>Geographic Information System</i>)
lesen penggunaan data	suatu lesen yang diberikan secara bertulis yang membenarkan pelakuan sesuatu perbuatan yang dikawal oleh hak cipta.
MaCGDI	Pusat Infrastruktur Data Geospacial Negara
metadata	maklumat mengenai data geospacial dan aspek penggunaannya.

POLISI PERKONGSIAN DATA GEOSPATIAL

MyGDI	bererti <i>Malaysian Geospatial Data Infrastructure</i> yang merangkumi institusi, polisi, standard dan teknologi yang diperlukan bagi memperolehi, memproses, menyimpan, mengedar dan mempertingkatkan penggunaan data geospasial.
pangkalan data geospasial	pangkalan data yang menyimpan data dalam format geodatabase.
PEGIS	Sistem Maklumat Geografi Pulau Pinang (<i>Penang Geographic Information System</i>)
pengguna	konsumer akhir data; mereka yang menggunakan data sebagai input untuk menyelesaikan masalah dan/atau membuat keputusan.
produk geospasial tambah nilai	data yang telah digabungkan, diolah dan ditingkatkan.
royalti	bayaran fi atau yuran yang dikenakan oleh pembekal data bagi reproduksi atau terbitan data berkenaan.
sumber data asal	dari mana data itu diperolehi.
tujuan komersial	penggunaan data bagi sesuatu maksud berkaitan dengan perdagangan dan pembelian, penjualan atau pertukaran komoditi data atau perkhidmatan bagi mendapatkan keuntungan.

LAMPIRAN A

STRUKTUR JAWATANKUASA MyGDI PERINGKAT NEGERI

